



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PANDANG SERIUS KEJADIAN GANGGUAN SEKSUAL DI STESEN LRT MALURI, TERUS GIAT ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

PUTRAJAYA, 1 OGOS – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius kejadian gangguan seksual yang berlaku di Stesen LRT Maluri, pada 28 Julai 2023 lalu dan berharap kejadian berkenaan dijadikan iktibar dalam kalangan masyarakat supaya sentiasa cakna dalam menangani isu gangguan seksual.

Kementerian juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada orang awam yang terlibat dan tindakan pantas di tempat kejadian telah membantu mangsa yang berada dalam ketakutan serta trauma. Kementerian turut dimaklumkan yang kes sedang dalam siasatan pihak polis namun KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Kaunselor (LK) bersedia memberikan sokongan psikologi dan kaunseling kepada mangsa serta sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan khidmat serta sokongan daripada kaunselor profesional.

Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana kesalahan yang berkaitan hak dan kebajikan wanita selain komited dalam meningkatkan kesedaran berkenaan gangguan seksual. KPWKM telah memulakan Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang telah diadakan di Pulau Pinang, Sarawak dan seterusnya bakal diadakan di MAEPS Serdang, pada 3 Ogos 2023 (Khamis). Ini bertujuan untuk

memberikan pendedahan, pengetahuan serta menyebarkan kesedaran mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

Semua pihak juga diseru untuk bersama-sama memainkan peranan dalam melindungi segenap lapisan masyarakat daripada dieksploitasi dan menjadi mangsa gangguan seksual demi mewujudkan sebuah persekitaran selamat.

Bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan, orang ramai boleh menghubungi Talian Kasih di 15999 atau Whatsapp 019-2615999 yang beroperasi secara 24 jam.

##

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
1 OGOS 2023**